

Pelajar UNIMAS bawa kereta naik kapal terbang

Kesinambungan kejayaan penganjurannya tahun lalu, pertandingan rekaan NST-Peugeot anjuran bersama Nasim Sdn Bhd dan New Straits Times (NST) sekali lagi diadakan tahun ini dan ia kini memasuki peringkat terakhir pengadilan.

Daripada 54 penyertaan yang diterima, 15 dipilih untuk menghantar model skala 1:5 dan semuanya sudah tiba di pejabat Cars, Bikes & Trucks (CBT) sebelum 3 April lalu.

Antara yang sempat BHAuto temuramah adalah dua peserta kumpulan VX1 dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu Ahmad Anwar Safwan dan Fandi Ahmad Syah yang hadir sendiri untuk memastikan model mereka sampai dengan selamat.

Dari Sarawak, model skala mereka dibungkus dan dibawa bersama menaiki kapal terbang oleh penyelia mereka, Dr. Saiful Bahri ke pejabat NST.

Namun, atas rasa tanggungjawab dan inginkan lebih kepastian, mereka sendiri turut datang ke Bangsar, dari Sarawak dengan belanja sendiri untuk mel-



Anwar (kiri) dan Fandi.

akukan kemasan terakhir.

“Walaupun Dr Bahri sentiasa memberi sokongan dan menyelia projek ini, kami merasakan ada beberapa bahagian yang perlu kami pasang sendiri bagi memastikan ketepatannya. Bahagian-bahagian kecil ini asalnya dicabut sebelum dibungkus untuk memastikannya tidak patah,” kata Anwar, pelajar jurusan rekaan industri di UNIMAS.

Ini adalah kali pertama Anwar dan Fandi menyertai pertandingan ini dan disebabkan itu, mereka serius untuk merebut tempat pertama yang menawarkan hadiah perjalanan ke Paris

dan pusat rekaan Peugeot di Velizy, Perancis yang ditanggung sepenuhnya selain wang tunai dan hadiah-hadiah lain.

“Kami meletakkan sepenuh tenaga dan usaha untuk projek ini. Semuanya dilakukan di luar waktu pembelajaran biasa dan mengambil masa lebih daripada sebulan untuk lengkap. Ada hari yang kami bekerja sehingga jam 6 pagi,” kata Fandi.

Kenderaan konsep Fandi dan Anwar mendapat inspirasi dari kenderaan konsep Peugeot ONYX dan Peugeot RCZ, seterusnya diberi sentuhan gaya yang tersendiri.

◎ Durrani Sharom